

PM akan diberi taklimat syor Skim Insurans Kebangsaan

UM 13 OCT 2002

SEREMBAN 12 Okt. — Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng akan memberi taklimat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai cadangan mewujudkan skim insurans kesihatan bagi membolehkan mereka yang kurang mampu mendapatkan rawatan di hospital swasta di negara ini.

“Kita hendak beri taklimat dulu kepada Perdana Menteri,” katanya ketika diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir bahawa kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan Skim Insurans Kebangsaan sebagai langkah mengurangkan beban tanggungan kos rawatan dan ubat yang amat tinggi sekarang.

“Kementerian saya akan melihat perkara ini sama ada ia sesuai dilaksanakan di negara kita,” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis perasmian ulang tahun Persatuan Teowchew Negeri Sembilan di sini malam tadi.

Menurut Dr. Mahathir, menerusi skim itu, kos rawatan dan ubat pesakit tidak lagi ditanggung oleh kerajaan, sebaliknya oleh syarikat insurans.

Jui Meng memberitahu, kewujudan skim insurans seumpama itu bukan satu perkara baru, malah telah dilaksanakan oleh negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura.